


ADAT, PANTANG LARANG, KEPERCAYAAN DAN SIMBOLIK DALAM SENI

SILAT GERAK CEPAT DI KEDAH

SITI NADZIRAH BINTI YUSOFF

UNIVERSITI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2022
MALAYSIA
KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**ADAT, PANTANG LARANG, KEPERCAYAAN DAN SIMBOLIK
DALAM SENI SILAT GERAK CEPAT DI KEDAH**

Oleh:

SITI NADZIRAH BINTI YUSOFF

C18A0403

Laporan kajian ini disediakan sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung di dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institut.

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia Salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi dimana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Kelantan berhad seperti berikut.

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan oleh:




Tandatangan



Tandatangan Penyelia

NAMA: SHAIPUDDIN B. MUHAMMAD
Panjabian:
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok
Bog Berkunci No. 1,
16300 Bachok, Kelantan.



TARIKH: 26/2/2022

PENGHARGAAN

Bismillahhirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Pertama sekali saya ingin mengungkapkan rasa bersyukur kehadrat Ilahi, kerana diberikan peluang untuk menyempurnakan kajian penyelidikan ini. Selaku pelajar Seni Persembahan di Universiti Malaysia Kelantan saya ingin merakamkan ucapan tidak terhingga kepada semua pihak yang telah banyak membantu saya dan rakan-rakan dalam melaksanakan penyelidikan ini. Saya terhutang budi kepada En. Shaipuddin Bin Muhammad, selaku penyelia saya, di atas bimbingan, pandangan, nasihat, kemudahan serta galakkan beliau dalam menyempurnakan Projek Penyelidikan ini. Tentu sekali sukar untuk saya menyiapkan kajian ini tanpa izin Allah S.W.T serta bantuan dari En, Shaipuddin Bin Muhammad dan rakan-rakan. Dengan ini saya merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada mereka yang banyak membantu saya.

Rakaman penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada ibu dan ahli keluarga saya, Chek Mah Binti Dun, Siti Nabilah Binti Yusoff, dan Mohd Nizam bin Yusoff, yang sentiasa memberi galakkan dan sokongan moral. Saya juga terhutang budi kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu saya serta memberi keyakinan dan semangat kepada saya selama ini.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii-v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN	1
1.1 LATAR BELAKANG	1-3
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	4-5
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	6
1.4 PERSOLAN KAJIAN	7
1.5 SKOP KAJIAN	8
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	9
i. INDIVIDU	9
ii. MASYARAKAT	10
iii. NEGARA	10
1.7 KESIMPULAN	11

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.0	PENGENALAN	12
2.1	DEFINISI ISTILAH	13
2.1.1	Definisi Silat	13-15
2.1.2	Definisi Pantang Larang	15-16
2.1.3	Definisi Adat	16-17
2.1.4	Definisi Kepercayaan	18-19
2.1.5	Definisi Simbolik	20
2.2	ASAL USUL SENI SILAT GERAK CEPAT	21-22
2.2.1	SEJARAH SILAT MELAYU	22-24
2.2.2	SILAT SELEPAS MERDEKA	25
2.3	KESIMPULAN	26

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0	PENGENALAN	27
3.1	REKABENTUK KAJIAN	28
3.1.1	Kaedah Kualitatif	28-29
3.2	PENGUMPULAN DATA	29-31

3.2.1 Data Primer	31-32
i) Pemerhatian	32-33
ii) Temubual	33
3.2.2 Data Sekunder	33-34
i) Sumber Perpustakaan	34
ii) Sumber Internet	34
3.3 INSTRUMEN	35
i) Kamera	35
ii) Perakam Suara	35-36
iii) Video	36
iv) Catatan	36
3.4 ANALISIS DATA	37
3.5 KESIMPULAN	37

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	38
4.2 Latar Belakang Responden	39
4.3 Mengkaji Adat Dan Pantang Larang Yang Ada Didalam Seni Silat Gerak Cepat Di Kedah.	40
4.3.1) Adat Menghadap Bertapak / Mengambil Tapak	41-43

4.3.2) Adat Membuka dan Menutup Gelanggang	44-47
4.3.3) Adat pemakaian/persalinan dan pantang larang	48-52
4.3.4) Adat Dan Pantang Larang Dalam Permainan Alat Muzik	43-56
4.3.5) Adat dan pantang larang bagi buah silat	57-58
4.4 Mengkaji Kepercayaan Yang Ada Dalam Silat Gerak	59-63
Cepat Di Kedah.	
4.5 Mengenalpasti simbolik yang ada didalam seni silat gerak cepat di negeri Kedah	64-65
4.5.1 Berjabat tangan	65-66
4.5.2 Keris Bersilang	67
4.6 Kesimpulan	68
BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Rumusan	69-70
5.2 Cadangan Keseluruhan	71-72
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	73-74
RUJUKAN	75-76

Adat, Pantang Larang, Kepercayaan Dan Simbolik

Dalam Seni Silat Gerak Cepat Di Kedah

ABSTRAK

Projek Penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengkaji mengenai Adat, Pantang Larang, Kepercayaan Dan Simbolik Dalam Seni Silat Gerak Cepat Di Kedah. Silat ialah sejenis seni mempertahankan diri yang menggunakan ketangkasan untuk mempertahankan diri, ia lebih dikenali dengan sebagai sukan tradisi rakyat yang mana melibatkan dua orang pesilat yang mahir dan bertindak untuk membela diri sama ada menggunakan senjata atau tanpa senjata. Terdapat beberapa permasalahan yang dikaji didalam kajian ini iaitu, pada masa kini ramai anak muda yang tidak mengenali ilmu persilatan atau silat-silat yang ada di negara kita dan mungkin mereka tidak mengetahui adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik yang ada didalam seni silat gerak cepat ini, kajian terhadap silat gerak cepat ini kurang menjadi perhatian kepada masyarakat sama ada dikawasan luar bandar dan dikawasan bandar yang mana masyarakat pada masa kini kurang minat terhadap ilmu serta persembahan persilatan ini dan pelbagai persepsi buruk yang dilontarkan menyebabkan keyakinan masyarakat terhadap kehebatan seni pertahanan Melayu yang kekuatannya pernah menjadi benteng penting kerajaan lampau, kini semakin pudar. Selain itu, objektif didalam kajian ini juga adalah mengkaji adat dan pantang larang yang ada didalam seni gerak cepat di Kedah, menganalisis kepercayaan yang ada didalam seni silat gerak cepat di negeri Kedah dan mengenalpasti simbolik yang ada didalam seni silat gerak cepat di negeri kedah. Seterusnya, kaedah yang digunakan didalam kajian ini adalah kaedah kualitatif yang mana kaedah ini digunakan untuk mendapatkan data. Kemudian data-data yang sudah dikumpul akan dianalisis dan di transkrip bagi menjawab persoalan dan permasalahan objektif kajian.

Kata kunci: Silat, Adat, Pantang Larang, Kepercayaan, Simbolik, Kualitatif, Kedah,

Transkrip

ABSTRACT

This research project is conducted to study about Customs, Taboos, Beliefs and Symbolism in Fast Movement Martial Arts in Kedah. Silat is a type of martial art that uses agility to defend oneself, it is better known as a traditional folk sport which involves two skilled wrestlers and act to defend themselves either using weapons or without weapons. There are a few problems while the researcher that conducted this study which is, nowadays many young people do not know the science of martial arts or silat-silat in our country and maybe they do not know about the customs, taboos, beliefs and symbols that exist in the art of fast-moving martial arts. Second, the study of martial arts rapid movement is a less concern to the public whether the rural and urban areas where people nowadays were lack of interest in science and the existence of this martial and give a bad perception crystallized that cause public confidence in the power of art defense Malay which is the strength had once been an important from the past years ago, now fading. Apart from that, the objective of this studies is also to study about the customs and taboos in the art of fast movement in Kedah, analyze the beliefs in the art of fast movement in Kedah and identify the symbolism in the art of fast movement in Kedah. Next, the method that used in this study is a qualitative method which is this method is used to obtain the data. Then the data that has been collected will be analyzed and transcribed to answer the questions and problems of the objectives in this study.

Keywords: Silat, Custom, Taboo, Belief, Symbolic, Qualitative, Kedah, Transcript

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Di dalam bab ini akan menerangkan mengenai latar belakang, objektif kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian dan skop kajian dalam penyelidikan ini. Keempat-empat perkara ini adalah untuk memastikan kajian yang dilakukan tidak keluar dari tajuk asal dan memudahkan pencarian maklumat.

1.1 LATAR BELAKANG

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Tengku Iskandar 1970) definisi bagi silat membawa maksud kepada seni mempertahankan diri yang mana ianya telah menggunakan ketangkasan dalam mempertahankan diri, ia juga lebih dikenali sebagai sukan tradisi rakyat yang mana ianya akan melibatkan dua orang pesilat yang mahir dan cepat dalam bertindak untuk membela diri sama ada mereka menggunakan senjata atau tanpa menggunakan senjata. Seni mempertahankan diri seperti silat ini juga sering dipersembahkan didalam persembahan ataupun bagi memilih pesilat yang terbaik sama ada untuk persembahan ataupun pertandingan yang akan dianjurkan. Syarat yang ditetapkan adalah sesiapa yang ingin menceburi Seni Silat ini mereka hendaklah mempunyai persediaan diri dari segi kemahiran serta ketangkasan fizikal dan mental.

Seperti yang kita ketahui sehingga kini, acara seni mempertahankan diri silat ini hanya diadakan di masa lapang, majlis rasmi atau majlis perkahwinan yang mana persembahan silat ini akan diiringi dengan pukulan gendang tetapi silat ini kebanyakannya akan dijalankan atau dipersembahkan di kawasan kampung sahaja. Sebanyak 360 jenis silat telah dicatatkan dan telah di amalkan atau dipersembahkan di negara kita dan mempunyai pengikutnya ataupun perguruan yang tersendiri. Silat juga mempunyai pelbagai jenis dan nama mengikut pada penubuhannya.

Antara silat yang sering kita dengari ialah seperti Silat Pulut, Silat Gayung Harimau, Pencak Silat, Silat Cekak Harimau dan Silat Tangkas dan Silat Gerak Cepat. Permainan atau persembahan silat ini adalah merupakan sukan tradisi rakyat pada masa dan lebih popular didalam sosio budaya Melayu iaitu sebagai permainan tradisi rakyat dan sebagai seni mempertahankan diri.

Persembahan seni mempertahankan diri seperti silat ini akan dapat mengekalkan dan meningkatkan ilmu kepahlawanan atau seni perang Melayu dalam bentuk seni rakyat pada masa akan datang. Oleh hal yang demikian, persembahan permainan silat atau pertandingan silat akan kerap diiringi dengan paluan gendang silat yang kini dikenali sebagai Muzik Silat Baku Malaysia. Tetapi sayangnya pada masa kini tidak semua orang mengenali silat ini terutamanya generasi yang lahir pada tahun 2000 dan keatas.

Kebanyakkan golongan ini tidak minat terhadap ilmu persilatan yang ada ini kerana mereka lebih terdedah dengan media sosial dan gajet. Menurut Mr. Wongsonegoro ketua IPSI yang pertama dalam Sucipto, (2001:26-28) beliau telah mengatakan bahwa seni mempertahankan diri seperti silat ini adalah gerakkan serangan bela diri, dan berirama dengan peraturan seperti adat kesopanan tertentu, yang biasa dipertunjukkan dihadapan umum. Silat ini juga adalah inti sari dari pencak, iaitu

kemahiran untuk peegaduhan atau membela diri mati-matian yang tidak dapat dipertunjukan dihadapan umum.

Persatuan seni silat gerak cepat ini diasaskan oleh YBHG Adiguru Paksu Rosli pada tahun 1986 di Kulim Kedah. Sejarah penglibatan paksu rosli ini dalam bidang persilatan bermula ketika beliau berusia belasan tahun lagi. Yang mana ketika beliau berumur 15 tahun beliau telah menceburi bidang persilatan dengan menyertai seni silat pendekar muda. Ketika itu beliau berguru dengan allahyarham tok usin pendekar sehingga tamat dan dinaikkan sebagai gurulatih berpangkat cikgu. Setelah umur beliau meningkat ke alam pekerjaan beliau telah menyertai pertubuhan seni silat lincah di perumahan kastam pulau pinang.

Ketika di dalam PSSLM beliau telah dilantik menjadi imam gelanggang oleh YM Mahaguru Omardin bin Mauju pengasas merangkap guru utama pssl. Setelah tamat berguru bersama pssl beliau telah menyertai angkatan tentera malaysia. Sehinggalah beliau tamat dalam perkhidmatan dan pulang ke kampung. Beliau telah mengajar anak-anaknya dalam permainan silat yang mana ketika itu seni silat gerak cepat ini masih belum diasaskan. Setelah itu semakin ramai anak-anak kampung yg ingin berguru bersama beliau dan beliaupun akhirnya menubuhkan persatuan seni silat gerak cepat pada tahun 1986. Sehingga kini pssgck mempunyai keahlian hampir 1000 keahlian. Sehingga kini PSSGCK bergerak dengan jayanya.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pada masa kini ramai anak muda yang tidak mengenali ilmu persilatan atau silat-silat yang ada di negara kita dan mungkin mereka tidak mengetahui adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik yang ada didalam seni silat gerak cepat ini. Hal ini membuatkan pengkaji ingin mengkaji serta mencari maklumat yang ada dan mengkaji serta menganalisis mengenai seni silat gerak cepat ini. Selain itu juga pengkaji juga akan mengkaji adat serta pantang larang, kercayaan dan simbolik yang ada didalam silat ini supaya silat ini tidak terus ditelan zaman tambahan pula pada zaman pandemic covid-19 ini.

Pengkaji juga mendapati bahawa kajian terhadap silat gerak cepat ini kurang menjadi perhatian kepada masyarakat sama ada dikawasan luar bandar dan dikawasan bandar yang mana masyarakat pada masa kini kurang minat terhadap ilmu serta persembahan persilatan ini. Oleh itu, pengkaji akan mengupas mengenai kemunculan adat, pantang larang, yang ada pada silat gerak cepat di negeri Kedah.

Akhir sekali, pengkaji akan mengkaji dan mengenalpasti kepercayaan dan simbolik yang ada didalam silat gerak cepat di negeri Kedah.

Didalam petikan Berita Harian Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Silat Melayu (SILAM), Roslan Mustafa, berkata sebagai penggiat seni silat, menjadi matlamatnya memperbetulkan persepsi buruk yang 'bermaharajalela' dalam kegiatan seni silat Melayu hari ini.

(Roslan Mustafa, 2018)

Bagaimanapun, pelbagai persepsi buruk yang dilontarkan menyebabkan keyakinan masyarakat terhadap kehebatan seni pertahanan Melayu yang kekuatannya pernah menjadi benteng penting kerajaan lampau, kini semakin pudar. Ilmu mengenai persilatan ini tidak lagi dianggap sebagai ilmu yang tinggi, malahan kehadirannya dalam masyarakat pada hari ini hanya dikenali sebagai penyeri kepada acara sampingan dalam majlis perkahwinan ataupun upacara tertentu sahaja. Oleh itu, pengkaji akan mengkaji mengenai masalah yang berlaku pada masa kini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.3 **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.3.1 Mengkaji adat dan pantang larang yang ada didalam seni silat gerak cepat di Kedah.
- 1.3.2 Mengkaji kepercayaan yang ada didalam seni silat gerak cepat di Kedah.
- 1.3.3 Mengenalpasti simbolik yang ada didalam seni silat gerak cepat di negeri kedah.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan bagi kajian “Adat, Pantang Larang, Kepercayaan Dan Simbolik Dalam Seni


Silat Gerak Cepat Di Kedah” yang dijalankan adalah:

- 1.4.1 Apakah adat dan pantang larang yang ada di dalam seni gerak cepat di negeri Kedah.
- 1.4.2 Bagaimanakah kepercayaan yang ada didalam seni silat gerak cepat di negeri Kedah.
- 1.4.3 Apakah simbolik yang ada didalam seni silat gerak cepat di negeri Kedah.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.5 SKOP KAJIAN

- I. Skop kajian ini akan membincangkan mengenai di mana lokasi kajian yang dijalankan iaitu di Kulim Kedah dan siapa yang bakal menjadi responden atau penemubual, serta apa yang akan dikaji dan menentu bagaimana kajian ini akan dilakukan.



Peta Lokasi Kulim Kedah

- II. Kajian juga adalah mengenai seni silat gerak cepat yang mana akan mengkaji berlandas objektif kajian dan beberapa kaerah kajian seperti kaerah kajian dan beberapa kajian terdahulu seperti *research literature* serta kajian kes.
- III. Kajian ini juga adalah untuk mengkaji dengan lebih lanjut terhadap seni silat gerak cepat ini. Selain itu juga kajian ini akan tertumpu kepada adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik yang ada didalam seni silat gerak cepat ini

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji merupakan salah satu agenda penting bagi menangani masalah masyarakat yang kurang mengetahui mengenai adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik dalam seni silat gerak cepat di Kedah yang mana ramai masyarakat pada masa ini melupakannya dan kurang berminat terhadap permainan atau sukan tradisi ini. Pengkaji merasakan kajian ini penting kerana belum ada lagi yang membuat kajian mengenai adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik yang ada didalam seni silat gerak cepat ini.

Kepentingan ini kepada:

I. Individu

Kepentingan kajian ini adalah kepada individu ini sendiri iaitu pengkaji. Pengkaji dapat menambah ilmu pengetahuan dan dapat berkongsi maklumat dengan orang ramai. Pengkaji juga akan dapat menambah ilmu pengetahuan dengan lebih jelas dan lanjut dalam menghasilkan penyelidikan ini. Kajian yang dijalankan ini amat penting kepada pengkaji bagi mendapatkan sumber dan data yang tepat dalam kajian yang akan dilakukan. Kajian ini akan dapat membantu pengkaji menambahkan ilmu pengetahuan yang baik dan bagus kepada pengkaji sendiri.

II. Masyarakat

Dalam kajian ini juga pengkaji akan dapat memberitahu kepada masyarakat mengenai kesenian dan kebudayaan seni silat gerak cepat ini kepada mereka supaya iaanya tidak ditelan zaman. Selain itu juga, kajian ini penting kepada bidang pengkaji kerana kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada individu atau golongan lain serta masyarakat yang menceburi dalam bidang ini. Kajian ini juga boleh memberi rujukan kepada individu yang akan menceburi didalam bidang ini dan membantu mereka juga pada masa akan datang dan dapat menjalinkan hubungan yang baik antara pengkaji dan masyarakat.

III. Negara

Kepentingan kajian ini juga adalah bagi memberi pendedahan yang baik kepada lebih ramai lagi dan diharapkan dapat menjadikan silat gerak cepat ini sebagai sebuah sukan tradisi yang dapat menembusi negara-negara lain sama ada dalam kejohanan sukan mahupun persembahanpersembahan yang dijalankan. Ini dapat memberi manfaat serta kepada negara kita dan dapat menaikkan nama negara kita dengan kesenian yang kita ada.

1.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya pengkaji akan mengkaji mengenai adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik didalam seni silat gerak cepat di negeri Kedah ini. Dengan adanya kajian ini pengkaji berharap bahawa pengkaji dapat memberi sumber ilmiah ada bahan rujukan kepada masyarakat pada masa akan datang. Pengkaji berminat untuk membuat kajian ini adalah kerana kajian ini kurang sumber kajiannya dan tidak ramai orang yang mengkaji mengenai seni silat gerak cepat ini. Pengkaji berharap kajian ini dapat dijalankan dengan baik dan berjaya untuk memberi sumber bahan ilmiah kepada anak muda dan masyarakat pada masa hadapan.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Sorotan kajian ini adalah merupakan sumber maklumat dan ulasan lepas yang telah dikaji oleh pengkaji terdahulu melalui penulisan ilmiah serta bahan rujukan, seperti jurnal, buku, surat khabar, video, majalah dan laporan mengenai Seni Silat Gerak Cepat ini Di Kedah ini. Ulasan kajian ini adalah sangat penting dalam membantu pengkaji bagi dijadikan sebagai panduan serta bukti rujukan kajian yang sedang dijalankan oleh pengkaji.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

2.1 DEFINISI ISTILAH

Definisi istilah adalah takrifan yang merujuk kepada kontekskajiaan sahaja dan sesuatu istilah perlu dinyatakan dengan jelas adalah kefahaman pembaca. Hal ini demikian kerana setiap pembaca berkemungkinan mempunyai takrifan berbeza berkaitan istilah yang digunakan didalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji menerangkan beberapa istilah berbeza istilah untuk kefahaman pembaca.

2.1.1 Definisi Silat

Menurut (Tengku Iskandar 1970) silat ini merupakan sejenis seni mempertahankan diri yang mana ia akan menggunakan ketangkasan bagi membela diri, ia juga lebih dikenali sebagai sukan tradisi rakyat pada suatu ketika dahulu. Selain itu juga, silat ini menggunakan atau melibatkan dua orang pesilat yang ada didalam pertandingan dimana pesilat tersebut mestilah mahir untuk bertindak bagi membela diri sama ada menggunakan senjata ataupun tanpa menggunakan senjata. Dapat dilihat juga, didalam silat ini juga pemilihan bagi memilih pesilat juga adalah sangat penting bukan hanya untuk memilih pesilat yang terbaik sahaja tetapi memilih mereka yang mempunyai bakat yang terpendam. Namun begitu kepada sesiapa yang ingin menceburikan diri didalam Seni Silat ini perlulah mempunyai persediaan diri dari segi kemahiran dan juga ketangkasan fizikal dan juga mental.

(Tengku Iskandar 1970)

Menurut (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat 2007) Perkataan silat ini lebih awal digunakan pada suatu ketika dahulu berbanding dengan gabungan perkataan seperti pencak silat. Pada suatu ketika dahulu juga mereka telah menggabungkan ‘pencak’ dan juga ‘silat’. Gabungan perkataan pencak silat ini adalah untuk menggabungkan sifat rumpun bangsa Melayu Minangkabau, Aceh, Riau, Palembang dan sebagainya dan rumpun daripada Jawa adalah dari perkataan pencak yang berasal daripada Sunda, Bali, Lombok dan sebagainya yang mana ianya telah ditempatkan di wilayah Indonesia pada suatu ketika dahulu.

Disamping itu, kemudian pencak silat ini telah didefinisikan sebagai seni bela diri bangsa ataupun seni mempertahankan diri yang mana ia berasal daripada Indonesia sama ada yang berada di Indonesia atau diluar Indonesia. Istilah pencak silat ini tidak termasuk didalam persilatan Silat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, di Malaysia tetapi ianya dari serumpun dan sebenih dengannya. Jadinya pencak silat ini pada ketika itu hanyalah untuk serumpun Indonesia sahaja. Silat Melayu inilah yang akan disebut sebagai Silat Malaysia asli di Malaysia.

(Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat 2007)

Menurut (Nik Anuar 2006) Masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu pernah menempa kecemerlangan didalam persilatan sebagai kuasa kerajaan Melayu tradisi di rantau ini pada masa dahulu. Pada ketika itu, kekuasaan Kerajaan Siam di atas Kerajaan Melayu Fatani yang berada di utara Semenanjung telah diakui British dalam Perjanjian Burney 1826. Menurut (Nik Anuar Mahmud 2006) pada ketika itu jugalah ia pernah menjadi satu perjanjian. Dapat disimpulkan bahawa masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu pada ketika itu memang mempunyai silat

aslinya yang tersendiri. Maka dengan itu silat inilah yang dikenali sebagai Silat Melayu.

(Nik Anuar 2006)

2.1.2 Definisi Pantang Larang

Didalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) pantang telah membawa maksud kepada sesuatu yang dilarang dilakukan didalam kehidupan sesebuah masyarakat. Pantang ini juga adalah berkait rapat atau berhubung kait dengan adat dan juga kepercayaan. Larang pula membawa maksud kepada menahan perasaan ataupun diri daripada melakukan sesuatu yang tidak boleh dilakukan. Secara umumnya dapat kita ketahui bahawa pantang larang bermaksud perbuatan yang dilarang oleh seseorang yang tidak boleh dilakukan. Pantang larang ini juga wujud dalam sesebuah adat dan kepercayaan kepada sesuatu kaum contohnya adat dan pantang larang yang ada didalam seni mempertahankan diri iaitu silat.

Seperti mana yang kita tahu, pantang larang yang ada didalam silat ialah seperti pantang larang ketika bermain alat muzik, pantang larang dalam pemakainan dan adat dan pantang larang bagi buah silat. Pantang juga membawa maksud kepada tegahan daripada melakukan sesuatu yang tidak boleh dilakukan kerana akan dipercayai membawa akibat buruk kepada sesuatu yang dilakukan. Larang pula membawa maksud kepada larangan daripada melakukan sesuatu yang tidak boleh kerana ianya kuat kuasa undang-undang atau perintah serta kepercayaan daripada nenek moyang.

(Kamus Dewan Edisi Keempat 2007)

Menurut Jeniri Amir (1988), Salmah Omar dan Mohan a/l Rathakrishnan (2016) mereka berpendapat bahawa pantang larang bukanlah berfungsi sebagai penghalang kepada sesuatu perkara tetapi lebih kepada tujuan untuk menjadikan manusia dalam keadaan sejahtera. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat beberapa pantang larang yang sengaja direkakan bagi mengelakkan berlakunya sebarang perkara yang tidak diingini. Penciptaan pantang larang ini, adalah bagi mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni pada setiap masa. Ini merupakan satu adat yang telah dilakukan pada satu ketika dahulu dan ada yang masih digunakan sehingga sekarang.

(Jeniri Amir 1988)

2.1.3 Definisi Adat

Definisi adat adalah merujuk kepada cara hidup seseorang mengikut kebudayaan. Kenyataan ini telah dikuatkan lagi oleh seorang tokoh yang bernama Abdul Samad Ahmad ataupun dikenali sebagai (Asmad) beliau berpendapat bahawa istilah kebudayaan telah dikenali oleh masyarakat umum pada ketika itu di negara ini kira-kira pada awal tahun 40-an. Oleh hal yang demikian, adat adan adat istiadat ini ialah istilah yang terpakat dalam pecakapan.

(Abdul Samad Ahmad (Asmad)

Menurut M. B Hooker dan HarunDaud, 1989, mereka telah mengakui bahawa maksud adat ini mempunyai banyak makna dan juga maksud dan istilah didalam masyarakat Melayu. Antaranya ialah adat yang meliputi tata tertib dan juga budi

bahasa, perlakuan yang sewajanyar, dan juga sesuatu keadaan yang lazimnya melibatkan undang-undang.

(Harun Daud, 1989)

Menurut H.M. Sidin, (1964) pula beliau berpendapat bahawa adat bermaksud satu kebiasaan yang akan dilakukan daripada satu perbuatan yang berulang-ulang dan akan diterima pakai oleh masyarakat setempat sebagai satu peraturan ataupun rujukan hidup yang mesti dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat yang ada.

(H.M. Sidin, 1964)

Menurut Abdullah Siddik, (1975) pula beliau telah menyatakan bahawa adat ini tidak boleh dipisahkan daripada tatasusila yang mana telah membataskan perlakuan baik buruk sesebuah masyarakat, dan juga adat yang melitipi hukum daripada norma-norma kehidupan.

(Abdullah Siddik, 1975)

Menurut Mohd. Din Ali dan Harun Daud, 1989 pula beliau telah menyatakan bahawa, adat adalah sebuah institusi yang telah membentuk sesebuah undang-undang selain itu, mengatur ataupun menyusun norma-norma sosial serta mencorakkan kuasa perlembagaan bagi pemerintah yang ada. Berdasarkan pendapat-pendapat dapat diketahui bahawa adat telah meliputi undang-undang dan juga larangan diraja yang mana ia melibatkan hukuman ke atas pelanggar-pelanggar laranganya.

(Mohd. Din Ali dan HarunDaud, 1989)

2.1.4 Definisi Kepercayaan

Daripada Lewicki dan Bunker (1996) kepercayaan sering membawa maksud sebagai harapan pihak lain dalam melakukan hubungan sosial, di mana dia dalamnya tertakluk kepada risiko yang akan dihadapinya. Ia membawa maksud kepada, bila seseorang mempercayai orang lain maka ketika hal itu tidak terbukti ia akan menerima perkara yang negatif seperti merasakan diri dikhianati, kecewa dan marah.

(Lewicki dan Bunker, 1996)

Kepercayaan oleh Kreitner dan Kinicki (2007) adalah merupakan satu perkara timbal balik kepada keyakinan dan niat dan tingkah laku terhadap orang lain. Maksud timbal balik tersebut telah digambarkan bahawa ketika seseorang melihat orang lain berkelakuan dengan mempunyai makna dan cara yang tersirat adanya suatu kepercayaan untuk membalas dengan kepercayaan pada mereka dengan lebih baik. Sedangkan ketidakpercayaan akan muncul ketika pihak lain menunjukkan tindakan yang melanggar kepercayaan yang telah mereka berikan.

(Kreitner dan Kinicki, 2007)

Yamagisi (1998) berpendapat bahawa kepercayaan adalah satu keyakinan kepada seseorang yang membawa maksud baik kepada orang lain yang tidak memberi kerugian kepada mereka

(Yamagisi, 1998)

Hardin (2004) telah menyatakan bahawa memahami adalah sebagai kepercayaan seseorang terhadap orang lain yang mana ia tergantung pada motif ataupun tindakan yang dilakukan oleh mereka. Ketika seseorang menyatakan "Aku percaya padamu", ini tidak selalu membawa maksud kepada kepercayaan terhadap individu juga merupakan hal yang ada pada diri mereka, namun kepercayaan hanya kepada perkara-perkara yang tertentu.

(Hardin, 2004)

Kee dan Knox (1970) pula mengatakan bahawa kepercayaan tidak hanya berdasarkan pada pengalaman masa lalu tetapi juga berdasarkan pada faktor kehiduan yang dijalani oleh mereka. Menurut Rotter (1967) kepercayaan membawa maksud sebagai bentuk kepercayaan dan dilukiskan sebagai sebuah harapan yang berupa kata-kata ataupun janji dari orang lain yang dapat dilaksanakan.

(Kee dan Knox, 1970)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.1.5 Definisi Simbolik

Simbol atau simbolik itu berasal dari kata Yunani *symballo* yang bermaksud menyatukan, melempar atau menyatukan idea atau idea dari objek yang dapat dilihat, sehingga objek tersebut mewakili idea. Simbol-simbol dapat mendorong seseorang ke arah idea masa depan dan masa lalu. Simbol ditunjukkan dalam gambar, bentuk, pergerakan, atau objek yang mewakili idea. Walaupun simbol bukan nilai itu sendiri, simbol diperlukan untuk memahami nilai yang diwakilinya. Simbol dapat digunakan untuk tujuan apa pun, seperti sains, kehidupan sosial, dan juga agama. Bentuk simbol bukan hanya dalam bentuk benda nyata, tetapi juga melalui pergerakan dan pertuturan. Simbol juga digunakan sebagai salah satu infrastruktur bahasa, yang dikenal sebagai bahasa simbol.

Selain itu juga, sebuah simbol juga membawa maksud kepada objek yang telah mewakili atau memberi maksud kepada sesuatu lambang, sebuah idea, imej visual, kepercayaan dan juga tindakan. Simbol juga membawa maksud kepada bentuk perkataan, ataupun imej visual, dan digunakan bagi menyampaikan idea dan kepercayaan. Sebagai contoh yang boleh digunakan adalah, dari bentuk sebuah oktagon berwarna merah dapat menjadi symbol kepada "BERHENTI". Selain itu juga, pada peta, gambar garpu dan sudu mungkin melambangkan tempat makan pada sesebuah simbol.

2.2 ASAL USUL SENI SILAT GERAK CEPAT

Silat gerak cepat ini merupakan Persatuan Seni Silat Gerak Cepat ini telah diasaskan oleh YBHG Adiguru Paksu Rosli pada tahun 1986 di Kulim Kedah. Sejarah penglibatan Paksu Rosli ini adalah dalam bidang persilatan yang mana bermula ketika beliau masih berusia belasan tahun lagi. Pada ketika beliau berumur 15 tahun beliau telah menceburi bidang persilatan dengan menyertai Seni Silat Pendekar Muda. Ketika menyertai Seni Silat Pendekar Muda itu beliau telah berguru dengan Allahyarham Tok Usin Pendekar sehingga beliau tamat pelajaran dan dinaikkan pangkat sebagai gurulatih yang berpangkat Cikgu.

Setelah umur beliau meningkat ke alam pekerjaan beliau telah menyertai Pertubuhan Seni Silat Lincah di perumahan Kastam Pulau Pinang. Ketika di dalam PSSLM beliau telah dilantik menjadi imam gelanggang oleh YM Mahaguru Omardin bin Mauju Pengasas merangkap Guru Utama PSSLM. Setelah tamat berguru bersama PSSLM beliau telah menyertai Angkatan Tentera Malaysia. Sehingga beliau tamat dalam perkhidmatan dan pulang ke kampung.

Beliau telah mengajar anak-anaknya dalam permainan silat yang mana ketika itu Seni Silat Gerak Cepat ini masih belum diasaskan. Setelah itu semakin ramai anakanak kampung yg ingin berguru bersama beliau dan beliaupun akhirnya menubuhkan Persatuan 9 Seni Silat Gerak Cepat pada tahun 1986. Sehingga kini PSSGCK mempunyai keahlian hampir 1000 keahlian. Sehingga kini PSSGCK

bergerak dengan jayanya. Didalam silat gerak cepat ini juga mempunyai pelbagai adat dan pantang larang yang ada ketika memulakan dan bermain silat.

2.2.1 SEJARAH SILAT MELAYU

Menurut Abd. Rahman Ismail (Edisi: Seni Silat Melayu. USM:2005 hal 188) beliau telah menjelaskan bahawa silat pernah menjadi peranan bagi membentuk angkatan pertahanan negara sejak diperintah oleh kerajaan Melayu iaitu Langkasuka, Gangga Negara, Champa, Kemboja, Fatani, Beruas, Minagkabau, Srivijaya, Majapahit, Melaka dan lain-lain negeri didalam Kepulauan Melayu, Nusantara.

(Abd. Rahman Ismail, USM:2005 hal 188)

Tambahan beliau lagi, pada ketika itu silat ini pernah wujud dalam masyarakat Melayu Champa pada sekitar 2000 tahun dahulu dengan penemuan keris tembaga didaerah tersebut. Selain itu, Candi Borobudur di Tanah Jawa juga turut ditemukan sebuah lukisan mengenai silat. Oleh hal yang demikian, Panglima Champa kerap mendapat tempat dan telah dimuliakan oleh raja-raja Melayu pada ketika itu. Hal ini kerana pada ketika itu mereka yang mempunyai kuasa besar telah memiliki pengetahuan yang tinggi dalam silat dan juga mahir dalam ilmu peperangan. Beliau memunjukkan bahawa silat telah kukuh dalam masyarakat Melayu sejak pada tahun 2000. Kerajaan Kemboja ataupun (Funan) dan Champa merupakan dua kerajaan yang yang baik dan berjiran dalam kelompok yang sama.

(Abd. Rahman Ismail, USM:2005 hal 188)

Menurut Abd. Rahman lagi, silat ini pernah diletakkan di bawah perlindungan istana bagi membentuk angkatan perang diraja raja. Pada ketika itu raja-raja Melayu mengalakkan semua putera dan anak-anak pembesar mempelajari ilmu persilatan. Oleh hal yang demikian kepada pendekar yang handal mereka akan mengangkatnya sebagai seorang yang hebat pada masa itu.

(Abd. Rahman Ismail, USM:2005 hal 188)

Pada suatu ketika dahulu, di dalam Sejarah Melayu (A Samad Ahmad: 1996. hal 75) ada menceritakan bahawa Sultan Muhammad Shah telah memilih salah seorang pegawai Champa sebagai pegawai kanan. Hal ini demikian kerana orang Champa pada ketika itu memiliki kemahiran dan pengetahuan dalam pemerintahan negeri iaitu dengan menggunakan seni mempertahankan diri bagi mempertahankan negara mereka.

(A Samad Ahmad: 1996. hal 75)

Dapat kita lihat pada kurun ke 19, telah memperlihatkan bahawa pendidikan silat pada masa itu terus berkembang dan berjaya dalam mewujudkam pemimpin perang Melayu. Dato Bahaman, Dato Sago dan Mat Kilau pernah juga menjadi sebagai penentang penjajah.

(A Samad Ahmad: 1996)

Pada zaman penjajahan komunis telah ditemukan oleh tokoh seperti Kiai Salleh, Kiai Osman dan sebagainya yang mana silat tidak ketandusan oleh pemimpin dan menanam semangat cintakan kepada tanah air dan berjuang hingga ke titians darah yang terakhir. Di atas adalah antara beberapa nama yang telah dicatat didalam sejarah yang mana tokoh tersebut telah berjuang secara ikhlas kepada negara. Dengan adanya ilmu yang hebat menjadikan mereka seorang yang sangat hebat pada ketika itu.

Silat ini bukan sahaja merupakan satu keperluan bagi mempertahankan diri sendiri dan juga sebagai pertahanan untuk diri, tetapi silat ini juga melambangkan kepada keperibadian bangsa melayu dan seni budaya Melayu yang telah lama jatuh bangun di dalam kerajaan melayu sepanjang zaman dengan seni mempertahankan diri yang ada ini.

Silat ini terus dipinggirkan didalam pendidikan di sekolah-sekolah Melayu apabila berlakunya pemerintahan daripada inggeris. Hal ini dikatakan demikian kerana silat ini tidak lagi mendapat tempat sebagaimana ilmu-ilmu lain. Sehinggalah ke hari ini silat terus dipinggirkan dari pendidikan dan hanya dikenali sebagai seni mempertahankan diri dari luar negara sahaja seperti Taekwando sahaja. Bagaimanapun silat ini terus disampaikan kepada masyarakat melalui pendidikan silat gelanggang bangsal yang dilakukan oleh guru-guru silat pada ketika ini.

2.2.2 SILAT SELEPAS MERDEKA

Silat selepas merdeka ini adalah pada (1957). Pada ketika ini terdapat ratusan aliran Perguruan Silat yang ada di Malaysia. Pada ketika ini Malaysia telah diperintahkan dan diarahkan kepada pengamal silat bagi mewujudkan persatuan silat dan telah didaftarkan sebagai tujuan bagi membina, menyusun agar pengurusan silat lebih baik. Saranan tersebut telah disambut baik. Pada ketika inilah bermulanya pelbagai nama aliran penguruan silat. Ini kerana setiap pendaftar mestilah mempunyai nama kumpulan masing-masing bagi memulakan persatuan seni mempertahankan diri masing-masing mengikut perguruan tersendiri.

Pada tahun 1978 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia pada ketika itu berusaha bagi mewujudkan lagi satu gabungan ataupun badan yang ada di peringkat negara yang mana ia boleh membangunkan seni mempertahankan silat secara lebih berkesan. Oleh hal yang demikian maka wujudlah satu Majlis Seni Silat Malaysia pada tahun (1983) pada ketika itu. Kemudiannya ianya telah ditukarkan kepada nama satu baru iaitu Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia ataupun lebih dikenali sebagai Pesaka Malaysia. Untuk pengetahuan semua silat Pesaka Malaysia telah dianggotai oleh seramai empat anggota yang bertaraf badan pendiri Pesaka Malaysia iaitu dipanggil sebagai Seni Gayung Fatani Malaysia, Silat Seni Gayung Malaysia, Silat Lincah Malaysia dan Silat Cekak Malaysia dan juga beberapa yang lain lagi. Oleh hal yang demikian seluruh silat yang ada pada ketika itu ialah dibawah Pesaka Malaysia.

2.3 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, sorotan kajian ini menerangkan definisi istilah yang berkaitan dengan kajian kajian penyelidikan ini. Seterusnya bab ini juga menerangkan kajian lepas tentang asal usul silat melayu dan sejarah seni silat gerak cepat. Terdapat juga kajian terdahulu berkenaan sebelum dan selepas merdeka mengenai silat melayu ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi kajian ini mempunyai maksud yang luas berkaitan dengan prosedur dan cara-cara pengolahan data untuk menyelesaikan dan menjawab persoalan penyelidikan termasuk menguji ‘pemboleh ubah’ (Azizi Yahya,2007). Aspek-aspek metodologi yang diambil kira didalam penyelidikan ini ialah reka bentuk kajian, pengumpuan data. Hal ini jelas menunjukkan bahawa metodologi adalah kaedah-kaedah yang perlu diikuti dan dilakukan bagi setiap pengkaji untuk memperolehi maklumat yang tepat dan menjawab kajian pengkaji.

Di dalam Bab 3, pengkaji akan menerangkan mengenai kajian Metodologi dan Proses Kajian yang digunakan bagi mencapai matlamat dan objektif kajian. Kajian Metodologi berfungsi membantu perolehan data penyelidikan, menjadi lebih sistematik dan tersusun kearah mencapai matlamat objektif kajian. Bab ini turut menjelaskan mengenai kaedah yang digunakan oleh pengkaji. Pengkaji telah merancang dan mengatur penyelidikan dengan metodologi yang sesuai digunakan bagi memperolehi maklumat serta data.

3.1 REKABENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian adalah jenis siasatan dalam kualitatif, kuantitatif, dan pendekatan kaedah campuran yang memberikan arahan khusus untuk prosedur di dalam rekabentuk penyelidikan (John W. Creswell, 2014). Hal ini menunjukkan bahawa rekabentuk kajian mempunyai tiga jenis kaedah yang diguna pakai oleh setiap pengkaji mengikut kesesuaian penyelidikan. Antaranya kaedah kualitatif, kuantitatif dan pendekatan kaedah campuran.

Di dalam penyelidikan ini pengkaji telah menggunakan rekabentuk kajian kualitatif. Rekabentuk kajian menurut Mc Milan dan Schumacher (1984) ialah merujuk kepada cara penyelidik mengendalikan kajian. Tujuan kaedah rekabentuk kajian ini adalah bagi mengawal punca-punca biasa yang boleh menganggu daptan kajian yang akan digubakan oleh penyelidik. Kenyataan ini menjelaskan bahawa rekabentuk kajian sebenarnya berperanan sebagai pengawal atau panduan penyelidikan bagi mengelakkan berlakunya punca-punca yang boleh menjelaskan daptan kajian.

3.1.1 Kaedah Kualitatif

Pengkaji telah memilih kaedah kualitatif untuk digunakan bagi mendapatkan pengumpulan data kajian ini. Menurut Dr. Kamarul Azmi Jasmi (2012:1), di dalam kajian metodologi. Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif

kaedah kualitatif adalah bentuk data yang mempunyai kelebihan tersendiri serta berlainan dengan penyelidikan kuantitatif.


Kaedah kualitatif memerlukan pengkaji melakukan temubual, rakaman suara, rakaman video serta tinjauan lokasi. Hal ini demikian kerana, data-data yang sudah dikumpul dari aktiviti yang telah disebut, akan dianalisis bagi mencapai bagi mencapai objektif kajian. Pendekatan kualitatif mementingkan tealiti yang bersifat dinamik dai hasil penyelidikan.

3.2 PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data adalah kegiatan memperolehi data di lapangan yang digunakan untuk menjawab permasalah untuk menjawab permasalahan penelitian. Bahagian pengumpulan data ini akan menerangkan cara ‘Pengumpulan Data Kualitatif’ yang digunakan oleh pengkaji. Menurut Taylor dan Bogdan (1984), Data Kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau lisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati. Hal ini jelas menunjukkan data-data ini diperolehi melalui maklumat-maklumat informen yang telah diperolehi dari sesi temubual dan lain-lain.

Menurut Dr. Kamarul Azmi Jasmi (2012) pula, data kualitatif ini adalah data yang diperolehi di dalam bentuk temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Manakala nota lapangan dan diari pengkaji merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Kenyataan ini

menunjukkan pemerolehan data juga diperolehi catatan-catatan yang telah dibuat oleh pengkaji sewaktu melukau aktiviti pemerolehan data.



Sumber: (Nadzirah Yusoff, 2021)

Rajah 3.1: Kaedah Kualitatif yang digunakan Pengkaji

Rajah 3.1, diatas menunjukkan kaedah pengumpulan data yang dilakukan semasa penyelidikan kajian ini dijalankan. Antarnya adalah pengumpulan data secara data primer dan data sekunder bagi memperolehi maklumat berkenaan dengan kajian yang dilakukan pengkaji iaitu “Adat, Pantang Larang, Kepercayaan dan Simbolik dalam Seni Silat Gerak Cepat Di Kedah”.

3.2.1 Data primer

Data primer adalah merupakan data sumber pertama atau data utam yang mana data ini masih belum diolah lagi. Antara pengumpulan data daris umber primer adalah seperti ‘Manuskrip’, ‘Catatan Lama’, ‘Batu Bersurat’, ‘Sumber Lisan’, ‘Temubual’, ‘Survei’ dan lain-lain. Ini menjelaskan bahawa, didalam kajian ini, data primer yang digunakan pengkaji adalah dari temubual. Data primer juga boleh dikatakan sebagai data *’Original’* yang dikumpul bagi sesuatu kajian lampau.

Data primer adalah data yang diambil terus dari sumbernya. Data primer merupakan data yang diperolehi secara langsung dan sahif kerana untuk memperolehi data-data ini memerlukan usaha dari pengkaji sendiri, bagi memperolehi maklumat serta menjawab persoalan da objektif kajian pengkaji. Data-data primer yang diperolehi ini pula akan dijadikan sebagai maklumat penting yang akan dimasukkan didalam dapatan kajian di bab 4 sebagai kajian.

Kelebihan Data Primer adalah jelas dan sebagai mana yang telah di dengari serta dilihat oleh pengkaji, sehingga didalam data primer ini unsur-unsur penipuan itu dapat dielakkan. Akan tetapi, kelemahan pada data primer ini pula ianya memerlukan masa yang panjang untuk memperolehi sesuatu maklumat. Biasanya sumber primer ini tidak banyak atau tidak ada kajian-kajian lepas atau ketiadaan sumber rujukan.

i. Pemerhatian

Pemerhatian ialah satu kaedah yang digunakan bagi mengukur pemboleh ubah kajian penyelidik. Kaedah ini memerlukan pengkaji mengamati sesuatu tingkah laku subjek berdasarkan pemboleh ubah yang telah dikenalpasti seperti apakah adat dan pantang larang didalam silat ini.

Pemerhatian juga memerlukan pengkaji memerhati ciri-ciri yang diperlukan didalam kajian penyelidikan pengkaji terutama berkaitan eksperimen atau objek yang dijadikan kajian. Oleh itu, pemerhatian juga boleh dikatakan berkaitan dengan data sesuatu objek atau eksperimen.

Pemerhatian adalah kaedah yang digunakan pengkaji untuk mendapatkan maklumat selain dari kaedah temubual. Menurut Najib Abdul Ghafar (1999)

“Pemerhatian adalah satu cara kaedah yang digunakan dalam penyelidikan dan ianya adalah tidak berstruktur atau ianya adalah dinali sebagai kaedah terbuka. Penyelidikan akan melakukan pemahatian terhadap pelaku dan tindak balas informen tanpa secara langsung bagi melahirkan respon semulajadi”.

(Najib Abdul Ghafar, 1999)

iii. Temubual

Temubual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat Adat, Pantang Laramg, Kepercayaan Dan Simbolik Dalam Seni Silat Gerak Cepat Di Kedah dengan lebih terperinci dari tokoh atau orang yang telah dipilih untuk ditemubual. Temubual ini melibat perjumpaan di tempat terbuka atau tertutup dan berlakulah komunikasi secara langsung. Antara temubual yang dilakukan adalah dari kalangan pengiat silat ini.

3.2.2 Data Sekunder

Secara umumnya, data sekunder adalah merupakan data-data asal yang telah direkod atau yang telah dikaji oleh penyelidik sebelumnya. Data sekunder merupakan data sumber kedua, iaitu sumber yang telah dikaji, sebagai contohnya ialah buku-buku, akhbar, kajian tesis, arkib dan lain-lain sumber sekunder. Data sekunder juga adalah data yang diperolehi melalui penulisan buku, atau catatan bukti iaitu bukti yang telah didedahkan kepada atau umum.

Menurut Abdul Rahman Majid Khan (2007) di bukunya “Guru Sebagai Penyelidik” diktatakan bahawa data-data sekunder itu termasuk dokumen bertulis peribadi seperti diari, surat-surat, gambar-gambar persendirian begitu juga dokumen rasmi. Beliau turut menyatakan data-data didalam laporan rasmi kerajaan juga boleh dijadikan sebagai sumber sekunde sekiranya digunakan orang lain untuk kegunaan lain.

i. **Sumber Perpustakaan**

Selain itu, rujukan perpustakaan juga penting semasa proses penyelidikan. Hal ini digunakan untuk mengetahui beberapa maklumat berkaitan dengan silat gerak cepat ini. Menggunakan bahan seperti buku rujukan dan sebagainya.

ii. **Sumber Internet**

Sumber internet juga digunakan dalam mencari maklumat dengan kajian rujukan daripada internet mudah digunakan untuk dirujuk. Laman web yang dirujuk ialah laman web yang berkaitan dengan jurnal dan artikel.

3.3 INSTRUMEN

Instrumen merupakan alat keperluan yang membantu pengkaji melakukan penyelidikan. Penggunaan instrumen yang betul perlu dititikberatkan didalam penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif. Instrumen ialah alatan digital dan bertulis yang digunakan semasa membuat temubual dan lain-lain. Peralatan ini ada yang berfungsi sebagai, perakam suara, perakam video, catatan tujuannya adalah untuk menyimpan bukti rekod maklumat yang diperlukan. Peralatan yang digunakan ialah kamera, perakam suara, perakam video dan lain-lain.

i) Kamera

Pengkaji menggunakan kamera untuk mengambil gambar di lapangan sebagai bukti melakukan kajian. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kamera untuk mengambil gambar semasa melakukan penyelidikan. Sebagai contoh ketika temubual dijalankan, gambar lokasi, koleksi informen dan sebagainya.

ii) Perakam Suara

Pengkaji menggunakan alat perakam suara bagi merekod perbualan, perbicaraan serta kata-kata informen bagi memperolehi isi atau maklumat-maklumat penting bagi penyelidikan ini. Penggunaan perakam suara ini juga adalah sebagai satu cara bagi memperolehi kesemua data yang dibentang supaya tiada informasi penting

data-data yang tertinggal semasa melakukan catatan. Melalui rakan ini pengkaji dapat mendengar dan memahami setiap ayat yang lebih jelas secara berulang.

iii) **Video**

Rakaman video digunakan pengkaji adalah untuk merekod setiap tindakan yang dilakukan oleh infomer semasa melakukan temubual. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat dan jelas. Pengkaji menggunakan rakaman video bagi merekod bahan yang berkaitan dengan temubual yang dijalankan.

iv) **Catatan**

Pengkaji menggunakan kaedah catatan seperti secara bertulis tangan atau bertaip. Catatan merupakan salah satu cara ataupun kaedah yang penting untuk mendapatkan maklumat dari informen secara langsung. Melalui catatan ini pengkaji akan lebih memahami dengan lebih jelas, maklumat yang diberikan informen.

3.4 ANALISIS DATA

Analisis data diperolehi selepas semua maklumat diperolehi dicatatkan. Kemudian kesemua kaedah catatan ini dikumpulkan, sama ada maklumat catatan dari temubual, rakaman suara, video atau catatan sendiri. Seterusnya data-data ini akan di transkrip mengikut kategori, tema bagi menjawab persoalan dan permasalahan objektif kajian.

3.5 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, metodologi kajian ini menerangkan mengenai rekabentuk penyelidikan yang menggunakan kaedah kualitatif. Seterusnya kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data yang terdiri dari data primer dan sekunder. Data primer seperti, pemerhatian, temubual. Pengkaji telah menemubual seorang penggiat silat cepat di Kedah iaitu Muhammad Aidil Hakimi bin Noorul Said. Manakala untuk data sekunder pula terdiri sumber perpustakaan dan sumber internet. Kemudian bab ini juga memfokuskan kepada instrumen yang digunakan adalah seperti kamera, perakam suara, video serta catatan. Bab ini kemudiannya diakhiri dengan kaedah analisis data, dimana data-data yang diperolehi akan dikumpul dan di kategorikan mengikut kumpulan tertentu.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dapatan kajian adalah berkaitan dengan keputusan bagi sesuatu kajian yang telah dilaksanakan oleh penyelidik. Di dalam bab ini, keputusan kajian adalah berkaitan mengenai adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik dalam seni silat gerak cepat di Kedah.

Hasil dapatan kajian semestinya berdasarkan objektif kajian yang telah pengkaji kemukau. Terdapat 3 objektif yang akan dikaji dan dihuraikan didalam bab ini iaitu mengenai adat dan pantang larang yang ada didalam seni silat gerak cepat di Kedah, kepercayaan yang ada didalam seni silat gerak cepat di Kedah dan juga simbolik yang ada didalam seni silat gerak cepat di Kedah. Oleh itu pengkaji perlulah memastikan segala objektif dan dapatan kajian berkait rapat supaya kajian ini tidak tersasar dari tujuan utama. Proses temubual secara atas talian telah dilakukan dengan orang yang berkenaan untuk melengkapkan kajian ini. Pengkaji telah menemubual seorang responden yang bernama Muhammad Aidil Hakimi bin noorul said, beliau merupakan salah seorang penggiat seni silat gerak cepat di Kulim Kedah. Secara ringkasnya, keputusan kajian ini akan melibatkan adat, pantang larang, kepercayaan dan juga simbolik yang ada didalam seni silat gerak cepat di Kedah.

4.2 Latar Belakang Responden

Pengkaji telah menemu bual responden secara atas talian yang mana responden ini mengetahui mengenai silat gerak cepat di Kedah ini. Responden tersebut adalah Muhammad Aidil Hakimi bin Noorul said. Beliau merupakan seorang penggiat silat gerak cepat di Kedah. Beliau juga mempunyai banyak pengalaman didalam silat gerak cepat ini. Beliau telah melibatkan diri didalam silat gerak cepat ini sejak tahun 2015 lagi sehingga sekarang. Penglibatan beliau didalam silat gerak cepat di Kedah ini adalah seperti Majlis Kemerdekaan yang telah dijalankan Amanjaya Mall Sungai Petani. Selain itu juga penglibatan ketika persembahan di majlis-majlis kenduri dan juga majlis perasmian di sekolah-sekolah disekitar di Kedah. Disamping itu juga, beliau juga pernah melibatkan diri dan berlakon di dalam Music Video "TAKKAN MELAYU HILANG DI DUNIA". Sedikit sebanyak beliau dapat membantu bagi mencapai objektif didalam kajian ini.



Gambar 1: Muhammad Aidil Hakimi bin Noorul said

Sumber: Responden

4.3 Mengkaji Adat Dan Pantang Larang Yang Ada Didalam Seni Silat Gerak Cepat Di Kedah.

Menurut kamus dewan edisi yang keempat, definisi adat membawa maksud kepada satu peraturan ataupun undang-undang yang sudah diamalkan sejak turun temurun oleh sesebuah masyarakat sehingga ia telah menjadi sebagai peraturan yang harus dipatuhi. Contoh yang kita dapat lihat adalah adat yang ada di dalam silat gerak cepat ini.

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat istiadat membawa maksud kepada peraturan bagi melakukan sesuatu yang sudah pun menjadi kebiasaan didalam kehidupan, yang mana ia telah melibatkan adat yang kebiasaan, atau adat resam. Maksud istiadat ini mempunyai hubungkait ataupun sama maksud dengan adat. Menurut Harun Daud, (1989) beliau berpendapat bahawa istiadat ini membawa maksud yang meliputi aturan negeri dan peraturan dalam sesuatu upacara.

(Harun Daud, 1989)

Daripada hasil temubual dengan responden pengkaji mendapati bahawa di dalam silat gerak cepat di Kedah ini terdapat beberapa adat dan pantang larang yang ada. Antaranya ialah,

4.3.1 Adat Menghadap Bertapak / Mengambil Tapak

Daripada hasil temubual pengkaji dengan responden iaitu Aidil Hakimi (2022), didalam silat gerak cepat di Kedah ini terdapat adat yang pertama iaitu adat menghadap tapak atau mengambil tapak. Di dalam seni silat gerak cepat di Kedah ini. Adat menghadap tapak ini dijadikan sebagai adat didalam silat gerak cepat ini. Hal ini adalah kerana setiap silat yang ada akan mempunyai adat ataupun cara mereka tersendiri. Oleh hal yang demikian, adat menghadap tapak ini mempunyai cara atau langkah-langkahnya. Cara-cara dan langkah-langkahnya adalah:

(Aidil Hakimi, 2022)

I. Menghadap bertapak dilakukan semasa:

1. Penerimaan penabalan
2. Memohon izin bergelanggang
3. Memberi hormat kepada majlis

II. Langkah-Langkahnya Menghadap Bertapak

Menurut responden Aidil Hakimi daripada hasil temubual dengan beliau, langkah yang pertama adalah langkah maju atau undur. Langkah ini mestilah didahului dengan gerakan kaki kanan yang mana akan disertai dengan angka kiraan yang telah ditetapkan mengikut adat

mereka sebelum menghadap kepada yang berkenaan (mengikut darjat) ataupun pangkat seseorang itu.

Langkah seterusnya ialah di akhir kiraan, yang mana pesilat mestilah berhenti dengan kaki kanan juga, dan akan disusuli dengan pesilat duduk berlutut sambil diikuti dengan kedua tapak tangan akan dirapatkan dan diacukan sambil dihalakan ke hadapan iaitu kepada yang berkenaan (mengikut darjat) atau pangkat dengan memberi sembah ataupun memberi hormat.

III. Mengikut Darjat Membawa maksud Di Antara:

Menurut responden ataupun penemubual Aidil Hakimi, mengikut darjat ini membawa maksud kepada:

1. Yang memberi hormat

2. Yang dihormatkan

IV. Duduk Berlutut Pada Ahli Silat:

Menurut responden atau penemubual juga duduk berlutut ini adalah membawa maksud kepada duduk berlutut pada ahli silat yang mana iainya mempunyai 2 peringkat.

1. Peringkat Tapak

Pada peringkat ini iaitu peringkat akhir langkah angka 3 atau 7 langkah maju, pesilat akan duduk secara berlutut dan lutut pesilat itu juga mestilah dalam keadaan lutut kanan dipacakkkan dan lutut kiri ditanamkan ke bumi. Begitu juga pada langkah akhir iaitu apabila pesilat mengundur.

2. Peringkat Seni

Pada peringkat akhir langkah iaitu pada angka 3 mahupun 7 langkah maju, pesilat akan duduk secara berlutut dalam keadaan kedua-dua lutut ditanamkan ke bumi. Selain itu juga, iaitu pada langkah akhir apabila mengundur.

Ini adalah adat bagi menghadap bertapak ataupun mengambil tapak. Bagi silat gerak cepat di kedah ini responden telah menyatakan mengenai adat menghadap tapak dengan jelas dan nyata.

4.3.2 Adat Membuka dan Menutup Gelanggang


Daripada hasil temubual dengan responden iaitu Menurut Aidil Hakimi (2022) pengkaji mendapati bahawa di dalam silat gerak cepat di Kedah ini juga mempunyai adat ketika hendak membuka delanggang dan juga menutup gelanggang.

Menurut responden iaitu Aidil Hakimi (2022) sebelum silat dimulakan persembahan tersebut pasti akan dimulakan dengan satu adat ataupun upacara iaitu membuka dan juga menutup gelanggang. Menurut responden juga adat ini akan dijalankan sebelum dan selepas persembahan silat dijalankan.

Didalam silat gerak cepat ini juga mereka mempunyai cara ataupun adat yang telah diturunkan kepada persatuan mereka sebelum memulakan persembahan silat gerak cepat ini. Latihan silat gerak cepat ini akan dimulakan dengan adat membuka gelanggang dan diakhiri adat penutupan gelanggang. Upacara ini akan disempurnakan dengan membaca ayat-ayat berikut:

(Aidil Hakimi, 2022)


i) Surah Al-Fatihah (1 kali)



Gambar 2: Surah Al-Fatihah

Sumber: Celik Al-Quran

ii) Surah Al-Ikhlas (11 kali)



Gambar 3: Surah Al-Ikhlas

Sumber: Celik Al-Quran

- iii) Selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. (3 kali)



Gambar 4: Selawat Nabi Muhammad SAW

Sumber: Blog Md Ruzai

- iv) Berdoa

Daripada hasil temubual dengan responden juga Aidil Hakimi, beliau mengatakan bahawa sebelum persempahan silat gerak cepat ini dimulakan atau dipersembahkan iainya pasti akan dimulakan dengan bacaan doa. Bacaan doa ini adalah bertujuan agar majlis yang dijalankan akan dijauhkan dari segala bahaya dan niat khianat iblis, jin, manusia dan binatang serta memohon supaya apa yang dipelajari akan diberkati dengan apa pelajaran yang dituntut.

v) **Doa kesyukuran**

Seterusnya, daripada hasil temubual dengan responden juga, selepas persembahan silat gerak cepat ini juga akan diakhiri dengan bacaan doa kesyukuran mana akan dibacakan selepas latihan ditamatkan. Doa ini akan menjadi sebagai kunci kepada persembahan silat yang telah dipersembahkan bagi menyatakan bahawa persembahan silat gerak cepat ini berjalan dalam keadaan baik daripada mula hingga akhir dan dengan bacaan doa kesyukuran ini juga akan mendapat keredhaan dan juga rahmat daripada Allah S.W.T.

Daripada hasil temubual dengan responden iaitu Menurut Aidil Hakimi (2022) beliau telah menyatakan bahawa di dalam sebuah persembahan silat jika ada berkatnya doa dan juga bacaan-bacaan yang dibacakan semasa adat membuka gelanggang semasa persembahan silat dipersembahkan ianya akan dihadiahkan kepada Nabi Muhammad s.a.w., sekalian Rasulullah, nabi-nabi, wali-wali, al-marhum Dato' Mahaguru serta zuriatnya. Selain itu juga, berkat bacaan doa tersebut juga akan disampaikan kepada kedua-dua ibu bapa, dan juga kaum kerabat serta seluruh murid dan ahli yang telah meninggal dunia. Ini telah menjadi sebagai adat yang agak penting sebelum membuka dan juga menutup gelanggang.

(Aidil Hakimi, 2022)

4.3.3 Adat pemakaian/persalinan dan pantang larang

Daripada hasil temubual dengan responden iaitu Menurut Aidil Hakimi (2022) didalam silat gerak cepat ini juga terdapat beberapa adat yang lain iaitu adat pemakaian ataupun persalinan dan juga pantang larangnya. Didalam setiap persatuan silat mereka akan mempunyai persalinan mereka tersendiri. Ini adalah bertujuan bagi memastikan pesilat memakai pakaian yang bersesuaian mengikut situasi ataupun majlis yang dipersembahkan.

(Aidil Hakimi, 2022)

Ini merupakan persalinan bagi Ahli silat gerak cepat di kedah



Gambar 6: Persalinan Silat Gerak Cepat

Sumber: Responden



Gambar 6: Persalinan Silat Gerak Cepat

Sumber: Responden

I. Tanjak



Gambar 7: Tanjak

Sumber: MyCraft Shoppe

Tanjak telah didefinisikan sebagai salah satu busana yang akan dipakai pada bahagian atas iaitu kepala lelaki melayu yang mana ia sering dikaitkan dengan istana, kepahlawanan dan akan dipakai dalam pelbagai acara dan adat istiadat bangsa Melayu.

Daripada hasil temubual dengan responden iaitu Aidil Hakimi (2022), pengkaji mendapati bahawa didalam silat gerak cepat di kedah ini tanjak yang dipakai adalah melambangkan adat untuk mengikut persatuan gerak cepat di kedah. Tanjak yang di pakai di kepala pesilat akan melambangkan kriteria si pemakai tanjak tersebut dan yang mana ia bersesuaian mengikut acara yang dijalankan.

Di samping itu juga, menurut responden layar tanjak tersebut haruslah berada disebelah kiri bukan disebelah kanan bagi melambangkan bahawa kita hanyalah rakyat biasa. Tanjak yang digunakan didalam silat gerak cepat di Kedah ini juga merupakan serban melayu.

II. Bersampin



Gambar 8: bersampin

Sumber: Youtube

Daripada hasil temubual dengan responden juga iaitu Menurut Aidil Hakimi (2022), bersampin ini adalah termasuk didalam adat melayu. Sampin ini juga terdapat berbagai jenis lipatan sampin yang mana ia akan melambangkan kemahuan atau kehendak si pemakai. Contohnya, sampin teruna mencari dara. Hajat hatinya adalah untuk melamar si pujaan hatinya. Menurut responden juga ianya juga melambangkan kepada si pemakainya yang menundukkan serta melindungi nafsu syahwatnya dari melakukan perkara maksiat.

III. Seluar



Gambar 9: Seluar Senteng

Sumber: Shoppe

Daripada hasil temubual dengan responden iaitu menurut Aidil Hakimi (2022) Seluar senteng 3 suku kaki ini bermaksud menepati sunnah rasulullah kerana sekiranya kaki seluar itu labuh mudah terkena kekotoran ketika berjalan tanpa kita sedari. Ini juga merupakan salah satu adat didalam pemakaian yang ada didalam silat gerak cepat

IV. Bengkong



Gambar 10: Bengkong

Sumber: Responden

Daripada hasil temubual dengan responden iaitu menurut Aidil Hakimi (2022), pemakaian bengkong merupakan persalinan yang dipakai setelah memakai samping. Bengkong ini dipakai adalah bertujuan untuk memelihara pusat kita daripada panahan syaitan. Ini merupakan adat dan sebab pemakaian busana melayu. Tradisi ini semakin dilupakan oleh anak muda sekarang dek kerana kelalaian kita sendiri.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3.4 Adat Dan Pantang Larang Dalam Permainan Alat Muzik

Menurut Zety Natamulia Elias (2022), didalam laman web Klip Web DBP, menyatakan bahawa muzik telah diterima sebagai bunyi ataupun sesuatu alunan yang sedap didengari dan dihasilkan secara sengaja oleh seseorang atau satu kumpulan. Muzik juga merupakan satu fenomena ataupun bunyi yang sangat unik, yang boleh juga dibunyikan dengan gabungan beberapa buah alat bagi mendapatkan hasil yang baik.

(Zety Natamulia Elias, 2022)

Alat muzik merupakan satu lambang kepada estetika yang digunakan didalam masyarakat kita. Alat muzik ini juga bukan sahaja dijadikan sebagai hiburan didalam kehidupan seharian kita, malahan telah menjadi alat sebagai penyebaran maklumat dan juga pembentukan sahsiah. Bagi sesetengah alat muzik juga ia mempunyai unsur magik yang mana ia boleh menaikkan semangat dan digunakan dalam upacara ataupun majlis-majlis tertentu.

Disamping itu, daripada hasil temubual dengan responden iaitu menurut Aidil Hakimi (2022), di dalam persembahan silat gerak cepat di Kedah ini juga terdapat alat muzik yang digunakan dan juga mempunyai adat dan pantang larang tertentu ketika memainkannya. Antaranya ialah:

Menurut responden Aidil Hakimi (2021) daripada hasil temu bual beliau telah menyatakan bahawa pantang larang yang tidak boleh dibuat oleh pemain alat muzik didalam silat gerak cepat di Kedah ini ialah pantang larang ketika

bermain gendang. Pada permulaan untuk memukul gendang pemain haruslah dimulakan dengan irama gendang silat.

(Aidil Hakimi, 2021)

Seterusnya, pada penutup persembahan juga pemain gendang juga haruslah diakhiri dengan irama gendang silat tetapi ianya harus diulang sehingga 3 kali dan setelah itu bermaksud tamatlah persembahan tersebut. Apabila gendang sudah dipukul cukup 3 kali maka gendang itu akan didirikan secara menegak supaya tiada siapa yang boleh memukul lagi gendang tersebut kerana persembahan telah tamat.

Daripada hasil temubual dengan responden iaitu menurut Aidil Hakimi (2022), pantang larang yang seterusnya ialah pemain gendang ini juga tidak boleh melangkah alat muzik gendang juga. Hal ini kerana ketika pembuatan alat muzik tersebut mereka ataupun pembuat alat muzik gendang ini telah menggunakan ayat suci al quran atau berselawat sebanyak 3 kali ketika proses meregangkan kulit kambing dan lembu yang digunakan untuk membuat alat muzik atau gendang. Sebagai seorang pemain alat muzik didalam silat gerak cepat ini mereka haruslah menghormati pantang larang yang telah ditetapkan oleh pewaris mereka.



Gambar 11: Adat Bermain Gendang

Sumber: Orang Sumber



Gambar 12: Adat Bermain Gendang

Sumber: Orang Sumber



Gambar 13: Adat Bermain Gendang

Sumber: Responden

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

4.3.5 Adat dan pantang larang bagi buah silat

Seterusnya, buah silat merupakan satu serangan yang akan mematikan musuh atau pihak lawan didalam persembahan silat dengan cara pukulan. Buah silat ini biasanya akan digunakan ketika hendak melawan musuh atupun ketika bergaduh. Didalam silat ini juga terdapat pantang larang bagi menggunakan buah silat ini. Antaranya ialah:

Daripada hasil temubual dengan responden iaitu menurut Aidil Hakimi (2021), pantang larang yang tidak boleh digunakan didalam silat gerak cepat di Kedah ini ialah dimana buah silat tidak boleh digunakan sesuka hati oleh pesilat. Selain itu juga buah silat ini tidak boleh digunakan ketika hendak memukul orang tanpa sebab. Buah silat ini juga tidak boleh dipersembahkan dimana-mana majlis-majlis tanpa kebenaran daripada perguruan persilatan tersebut kecuali mereka berada didalam keadaan bahaya ketika diserang oleh musuh.

(Aidil Hakimi, 2021)



Gambar 14: Contoh Buah Silat

Sumber: Responden



Gambar 15: Contoh Buah Silat

Sumber: Responden

4.4 Mengkaji Kepercayaan Yang Ada Dalam Silat Gerak Cepat Di Kedah.

Menurut Haviland Soekadijo, (1985) kepercayaan merupakan keyakinan ataupun sesuatu yang dianggap benar atau betul oleh masyarakat dan kelompok tertentu, boleh dikatakan daripada cerita rakyat, sejarah daripada orang-orang lama yang telah menjadi sebagai panduan dan pedoman hidup oleh sesetengah masyarakat.

(Haviland Soekadijo, 1985)

Kepercayaan ini juga telah berasal daripada sebuah kepercayaan sekelompok ataipun sekumpulan orang yang mana disampaikan dan telah dipelihara secara turun temurun kepada masyarakat dan lama-kelamaan menjadi budaya kepada sesuatu kepercayaan. Bagi sesetengah masyarakat mereka akan mengamalkan kepercayaan didalam kehidupan seharian mereka.

Didalam silat gerak cepat ini juga terdapat beberapa kepercayaan yang ada. Daripada hasil temubual dengan responden iaitu menurut Aidil Hakimi (2022), Kepercayaan yang ada didalam seni mempertahankan diri Silat gerak cepat di Kedah ini dapat dilihat melalui empat peringkat yang telah dilalui selama ratusan tahun dahulu. Kebanyakkann silat melayu mereka banyak menggunakan kepercayaan yang sama

Di dalam blog Ethnic Relation, dapat dilihat pada peringkat pertama ini ia dikenali sebagai kepercayaan animisme, dan pada peringkat kedua pula akan wujudnya kepercayaan Hindu-Buddha, semasa zaman kesultanan Melaka dan juga telah di kaitkan dengan unsur agama Islam pada suatu keika dahulu dan pada masa kini pula seni Silat ini wujudnya pengaruh sekularisme. Kebanyakan silat akan menggunakan kepercayaan yang sama kerana ia merupakan satu tradisi melayu termasuklah silat gerak cepat di Kedah.

Kepercayaan yang boleh kita lihat pada peringkat awal ini adalah dari segi kerohanian Silat Melayu yang mana ia berdasarkan kepada kepercayaan daripada animisme iaitu seperti melakukan pemujaan atau penyembahan kepada pokok-pokok, serta gunung-ganang, dan juga batu-batu oleh masyarakat tempatan melalui upacara ilmu hitam pada ketika ini. Mereka juga percaya bahawa telah wujudnya kuasa-kuasa ghaib daripada zaman nenek moyang.

Selain itu juga, pengamal kebatinan pada ketika itu akan memakai tangkal mistik yang diperbuat daripada batu, kayu, tulang dan mereka akan membaca mantera jampi serapah di dalam bahasa Melayu sebagai tanda mereka telah berhubung dengan alam ghaib. Oleh hal yang demikian ini telah menjadi sebagai satu hubungkait antara ilmu hitam dan pengam silat ini. Sebagai tambahan pula, tangkal ini dipakai sebagai perlindungan dan juga mendapat bantuan daripada alam ghaib. Hal ini adalah silat pada peringkat ini mempunyai kepercayaan terhadap alam semesta yang mana melibatkan alam seperti pokok dan sebagainya.

Kepercayaan yang diamalkan pada peringkat kedua ini adalah daripada kebatinan Silat Melayu yang mana ianya telah berubah dari amalan animisme kepada amalan keagamaan yang mana telah dipengaruhi oleh pengaruh daripada Hindu-Buddha. Namun begitu, amalan animism ini tetap diamalkan oleh mereka tetapi bercampur dengan kepercayaan kuasa-kuasa dewa-dewi, bertapa, keramat, puasa, menyembah. Pada ketika ini mereka lebih cenderung kepada sesuatu yang khurafat dan mengamalkannya didalam kehidupan mereka.

Pada peringkat ini iaitu peringkat ketiga, kepercayaan yang mereka gunakan adalah daripada pengaruh Islam yang telah mereka lalui dari pelbagai sudut. Namun begitu, kerohanian Islam tidak dapat berkembang sepenuhnya dalam Silat Melayu seperti yang diamalkan oleh para sahabat dan pahlawan zaman Rasulullah (s.a.w.) suatu ketika dahulu. Hal ini adalah kerana apabila berlakunya penjajahan daripada barat yang menjadikan Islam sebagai musuh utama mereka. Pada peringkat ini, kerohanian Islam telah bercampur antara amalan kerohanian Melayu tradisi purba iaitu animisme dan Hindu-Buddha pada ketika ini.

Selain itu juga, para pengamal silat juga kebanyakannya telah mempercayai kuasa Allah sebagai Tuhan sekalian alam. Bagi mereka didalam kehidupan mereka mereka lebih percayakan Allah, tetapi dalam pada masa yang sama mereka juga mengamalkan amalan khurafat. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka telah membuat sandaran kepada alam flora dan fauna dan juga perkara ghaib. Semangat ini telah dikatakan mampu membantu para

pengamal ketika dalam kesusahan kerana ini merupakan kepercayaan yang mereka gunakan. Amalan khurafat seperti yang lain juga turut dilakukan oleh mereka seperti menyembah gelanggang, mandi minyak, membaca mantera jampi serapah sebagai pendidng kepada mereka, pengunci dan pelali didalam silat yang mereka persembahkan.

Disamping itu, pada peringkat terakhir kepercayaan yang ada didalam silat gerak cepat ini adalah pengaruh daripada sekularisme, yang mana pada tahap ini kita boleh melihat bahawa agama dan budaya telah dipisahkan atau dijauhkan daripada hal-hal dunia pada ketika itu. Oleh hal yang demikian silat mula dipengaruhi oleh pelbagai pemikiran dan falsafah di mana Silat seperti yang kita tahu ianya hanyalah sebagai satu bentuk budaya tradisional yang sama seperti tarian-tarian tradisional yang lain dan bukan sahaja sebagai ilmu untuk mempertahankan tanah air apabila diserang oleh pihak luar ataupun pengganas.

Daripada hasil temubual dengan responden iaitu menurut Aidil Hakimi (2021), di dalam silat gerak cepat di kedah ini mereka berteraskan satu hadis yang mana islam amat menitik beratkan mengenai soal-soal akidah dan syariah. Segala amalan dan kepercayaan yang tidak berdasarkan kepada sumber-sumber asal Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias adalah ditolak oleh persatuan mereka. Hal ini adalah kerana mereka hanya percaya kepada yang maha esa sahaja.

KELANTAN
(Aidil Hakimi ,2022)

Menurut sumber internet, dapat kita lihat bahawa kepercayaan dan amalan-amalan tertentu yang telah dilakukan dalam masyarakat Islam di Malaysia pada masa ini sedikit sebanyak ada hubungkaitnya atau perkaitannya dengan pengaruh fahaman daripada Dinamisme, Anamisme, Hindu, Buddha dan Syiah (Ghulu) yang mana sebahagian daripadanya telah menjadi darah daging kepada pengamal seni mempertahankan diri tradisional iaitu dipanggil sebagai pesilat. Oleh hal yang demikian, garis panduan sebegini perlu dijadikan sebagai asas dan panduan supaya ianya dapat mengelakkan diri dari terjerumus ataupun terjunam ke dalam penyelewengan akidah dan syariat Islam.

Seperti yang kita ketahui Allah pernah berfirman dalam surah Yunus, ayat 106.

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكُ وَلَا يَضُرُّكُ فَإِنْ كَفَرْتَ فَإِنَّمَا أَذَا مِنَ الظَّالِمِينَ

(سورة يونس: 106)

Bermaksud:

“Dan janganlah kamu menyembah apa-apa yang tidak memberi manfaat dan tidak (pula) memberi mudharat kepadamu selain Allah; sebab jika kamu berbuat (yang demikian) itu, maka sesungguhnya kamu termasuk orang-orang yang zalim”.

4.5 Mengenalpasti simbolik yang ada didalam seni silat gerak cepat di negeri kedah

Simbolik adalah membawa kepada sesuatu maksud yang mengandungi makna penting. Simbolik adalah lambang ataupun simbol yang akan membawa kepada sesuatu perkara yang ingin disampaikan. Didalam silat gerak cepat ini terdapat beberapa simbolik yang ada bagi menyatakan sesuatu lambang dan juga simbolik yang ingin disampaikan.



Gambar 16: Logo Perguruan Silat Gerak Cepat

Sumber: Responden

Daripada hasil temubual dengan responden iaitu menurut Aidil Hakimi (2021), responden telah menyatakan bahawa simbolik yang ada didalam seni mempertahankan diri silat gerak cepat di Kedah ini adalah dari segi logo perguruan seni silat gerak cepat yang mana telah mempamerkan beberapa corak dan lambang yang mempunyai dokumen rasmi dan sijil. Antara beberapa contoh logo atau simbolik yang membawa maksud dan juga lambang daripada logo perguruan seni silat cepat ini adalah:

(Aidil Hakimi 2022)

4.5.1 Berjabat tangan

Definisi bagi berjabat tangan adalah bersalaman. Kita dapat melihat bahawa bagi budaya kita semasa berjumpa pasti kita akan menyapa dengan bersalaman. Sebelum memulakan kegiatan atau komunikasi, berjabat tangan memang diperlukan bagi budaya kita. Berjabat tangan ini dapat menyatakan kaedah dalam komunikasi kepada seseorang dengan rasa hormat.

Maksud berjabat tangan ataupun bersalaman mengikut definisi asal adalah dari kata dasar iaitu jabat dan tangan. Seperti mana yang kita tahu berjabat tangan secara istilah atau definisi membawa maksud kepada bersalaman dengan saling berjabat tangan. Oleh hal yang demikian menurut Islam, berjabat tangan atau bersalaman yang baik adalah dengan bersalaman atau berjabat tangan secara yang ikhlas dan juga tulus. Menurut Nabi Muhammad SAW, apabila semua orang berjabat tangan

dengan seperti hal tersebut ataupun mempunyai perasaan yang ikhlas maka akan tumbuhlah rahmat dan kasih sayang dari Allah SWT didalam kehidupan sehariannya mereka.



Gambar 17: Simbolik Berjabat Tangan


Sumber: Google Image

Menurut Aidil Hakimi (2022) daripada hasil temubual. Simbolik berjabat tangan didalam logo silat gerak cepat ini adalah membawa dan memberi maksud tertentu. Berjabat tangan didalam silat gerak cepat ini bermaksud di setiap kehadiran murid-murid yang ramai kita dapat mendidik dan mengeratkan ukhwah silaturrahim antara satu sama lain. Di dalam silat gerak cepat ini ukwah dan silaturrahim adalah sangat penting bagi menyatukan hubungan silaturrahim antara guru dan para pesilat.

(Aidil Hakimi, 2022)

4.5.2 Keris bersilang

Seterusnya pula ialah, simbolik keris bersilang didalam logo silat gerak cepat di Kedah ini alah daripada hasil temubual dengan responden iaitu menurut Aidil Hakimi (2021) .Simbolik keris bersilang didalam logo silat gerak cepat ini adalah membawa maksud kepada semangat kepahlawanan melayu. Selain itu juga simbolik kepada keris bersilang ini juga adalah lambang kepada semangat Laksamana Terbilang Melayu Dato' Hang Tuah dan Dato' Hang Jebat, 2 orang pahlawan Melayu yang masyhur lagi gagah berani pada suatu ketika dahulu. Simbolik atau lambang keris didalam silat gerak cepat ini juga adalah salah satu senjata yang digunakan didalam persembahan seni mempertahankan diri juga. Keris ini juga merupakan salah satu pelajaran yang diajar kepada murid ataupun para pesilat yang mana keris ini merupakan satu lambang senjata asli bangsa Melayu. Ini membuktikan Silat adalah seni warisan bangsa yang asli dan tulen.



Gambar 18: Simbolik Keris Bersilang

Sumber: Google Image

4.6 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, bab ini telah menganalisis semua dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji. Di dalam seni mempertahankan diri seperti silat gerak cepat ini terdapat beberapa adat dan pantang larang yang diamalkan oleh pesilat-pesilat yang mana telah menjadi satu adat oleh mereka sejak turun temurun lagi. Didalam silat ini juga terdapat beberapa kepercayaan yang mana telah menjadi satu amalan dan kepercayaan yang ada mengikut peringkat-peringkat yang telah diamalkan seperti kerohanian, kebatinan, pengaruh islam dan juga sekularisme. Tidak semua seni mempertahankan diri seperti silat gerak ini mengamalkan kepercayaan yang ada kerana setiap silat pasti akan mempunyai kepercayaan masing-masing. Selain itu juga, didalam silat gerak cepat ini juga mmpunyai simbolik tersendiri dan juga membawa kepada maksud-maksud tertentu tetapi anak muda ataupun masyarakat pada harini kurang minat mengambil pengetahuan mengenai perkara-perkara sebegini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Rumusan

Daripada hasil kajian ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa adat dan pantang larang dalam seni mempertahankan diri seperti silat gerak cepat ini. Adat yang dapat dilihat didalam silat gerak cepat ini adalah seperti adat menghadap bertapak atau mengambil tapak. Adat ini hanya akan dijalankan mengikut situasi-situasi tertentu. Tidak semua orang atau masyarakat di kawasan negeri dan Kedah ini mengetahui mengenai kewujudan adat ini menghadap tapak tapak ini. Adat yang seterusnya adalah adat dalam membuka dan menutup gelanggang. Adat ini juga akan dilakukan pada setiap kali hendak membuka dan menutup gelanggang. Adat-adat ini hanya diketahui oleh pesilat-pesilat seni mempertahankan diri gerak cepat ini sahaja kerana adat ini hanya dipelajari oleh pesilat gerak cepat ini sahaja. Masyarakat setempat seperti anak-anak muda pada zaman ini kurang diberi pendedahan mengenai silat gerak cepat ini kerana mereka lebih terdedah dengan teknologi yang moden pada ketika ini. Amalan adat dan pantang larang ini boleh mengelakkan sesuatu perkara buruk daripada berlaku dan telah mendidik seseorang untuk berdisiplin dan menjaga tingkah laku setiap hari.

Disamping itu juga sejak dunia dilanda Covid 19 ini aktiviti sebegini tidak lagi dapat dijalankan dan dipersembahkan kerana mereka terikat dengan peraturan dan juga SOP yang telah ditetapkan oleh negara. Oleh hal yang demikian seni

mempertahankan diri ini tidak lagi mendapat sambutan daripada orang ramai kerana majlis-majlis tidak lagi dapat dijalankan seperti dulu. Di dalam silat gerak cepat ini mereka tidak banyak mengamalkan adat dan pantang larang yang boleh memesongkan akidah kerana mereka masih berlandaskan agama. Dapat dijelaskan bahawa silat gerak cepat ini hanya dipersembahkan pada majlis-majlis tertentu sahaja seperti majlis kenduri dan sebagainya.

Seterusnya, bagi sesetengah silat pula mereka mempunyai kepercayaan mereka sendiri yang mana kepercayaan mereka itu telah digunakan oleh tok guru mereka atau nenek moyang mereka pada satu ketika dahulu dan masih digunakan sehingga sekarang. Kepercayaan yang telah digunakan didalam silat gerak cepat ini adalah melambangkan atau berteraskan kepada akidah yang telah dinyatakan didalam surah Yunus ayat 106. Kepercayaan ini hanya diketahui oleh pesilat-pesilat dan mereka tidak lagi menggunakan kepercayaan yang karut marut yang melanggar syariat.

Hasil kajian juga mendapat bahawa terdapat beberapa simbolik yang digunakan didalam silat gerak cepat ini yang mana setiap simbolik tersebut telah membawa kepada beberapa maksud. Generasi pada masa kini tidak lagi berminat untuk mengkaji mengenai perkara sebegini dan juga tidak lagi berminat terhadap seni mempertahankan diri seperti silat ini kerana ibu bapa pada hari ini lebih gemar untuk menghantar anak mereka ke pusat seni mempertahankan diri seperti taekwando. Silat ini tidak lagi mendapat sambutan daripada masyarakat dan juga generasi pada ini lagi. Tambahan pula dengan berlakunya pandemik covid 19 yang memusnahkan kebanyakkan aktiviti-aktiviti yang biasanya dilakukan ini.

5.2 Cadangan Keseluruhan

Cadangan keseluruhan, penyelidik menyarankan semua pihak yang terlibat bersama-sama duduk satu meja berbincang mengenai langkah-langkah yang boleh diambil yang sinergi dan proaktif dalam memastikan adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik didalam silat gerak cepat ini tidak terus dilupakan oleh masyarakat dan ditelenggami arus kemodenan. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dianalisis terdapat adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik yang masyarakat atau generasi pada masa kini tidak lagi berminat untuk mengkaji dan mengetahuinya.

Hal ini bermaksud silat gerak cepat ini kurang dipersembahkan dan tidak mendapat sambutan dari masyarakat disekitar Kulim, Kedah dan kawasan-kawasan setempat. Namun begitu terdapat beberapa adat yang tidak boleh dikongsikan kerana mereka mempunyai syarat yang telah ditetapkan. Hal ini adalah hanya ahli silat gerak cepat ini shaja yang boleh mengetahuinya dan tidak boleh disebarluaskan kepada masyarakat luar.

Justeru itu, menyedari hakikat ini bahawa adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik yang ada didalam silat gerak cepat ini haruslah dihidupkan kembali oleh generasi pada masa akan datang kerana silat ini merupakan seni mempertahankan diri tradisional yang mana telah menjadi sebagai satu simbolik didalam seni mempertahankan diri. Silat ini juga perlu menjadi turun temurun dan menjadi sebagai lambang warisan dan kebudayaan masyarakat melayu supaya “tak lapuk”.

dek hujan tak lekang dek panas". Hal ini dikatakan demikian kerana amalan yang ada didalam silat ini akan terus berterusan mempunyai pewarisnya walaupun dunia dilanda oleh arus pemodenan dan teknologi yang semakin meluas ini.

Oleh itu, kesinambungan kepada silat gerak cepat ini perlulah dikekalkan supaya menjadi khazanah warisan berharga nenek moyang kita dan menjadi sebagai satu seni mempertahankan diri yang tradisional yang mana tidak akan rebah menyembah bumi dek kerana kelekaan nak cucu sendiri. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan warisan negara terus subur dan kekal sepanjang zaman.

Di samping itu, pihak kerajaan pula seharusnya perlulah menyediakan pelbagai bantuan dan galakkan seperti menganjurkan program-program yang berkaitan dengan menyemarakkan kembali tradisi silat-silat tradisional yang ada di Malaysia terutamanya pada golongan remaja dan generasi muda pada masa kini. Seperti mana diketahui silat ini merupakan budaya nenek moyang dan pahlawan kita pada satu ketika dahulu bagi mempertahankan diri. Sekiranya remaja pada masa kini sudah mula tidak mengamalkan, secara tidak langsung generasi muda akan datang juga tidak mengenali dan mengetahui mengenai silat gerak cepat dan adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik yang ada didalam silat gerak cepat pada satu ketika dahulu.

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik didalam seni mempertahankan diri silat gerak cepat ini adalah satu bidang kajian yang berfaedah dan bermanfaat untuk dikaji secara lanjut di masa akan datang. Masih terdapat banyak kajian harus dilakukan di Malaysia berkaitan bidang kebudayaan ini supaya bidang ini menjadi gah suatu masa hari nanti. Hal ini demikian kerana bidang ini melibatkan persoalan kebudayaan masyarakat Melayu tradisional yang perlu dikenalkan. Kajian ini boleh dilakukan dengan meninjau persepsi masyarakat dalam pelbagai lapisan untuk melihat potensi didalam seni mempertahankan diri silat gerak cepat ini dalam satu jangka masa yang panjang.

Tajuk kajian harus diperluaskan lagi dalam melihat pelbagai aspek yang terdapat didalam adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik yang ada dalam silat gerak cepat ini. Hal ini penting supaya pelbagai lapisan masyarakat dan generasi muda dapat mengetahui tentang kepentingan-kepentingan yang terdapat didalam silat gerak cepat ini. Bagi persepsi remaja pula, responden kajian juga boleh melibatkan remaja-remaja yang bukan terdiri daripada pelajar atau tidak berpendidikan tinggi supaya dapat mengetahui persepsi mereka mengenai adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik yang ada dalam silat gerak cepat.

Sementara itu, dalam kajian ini, penyelidik hanya memilih beberapa adat, pantang larang dan simbolik sahaja kerana ianya tidak dapat dikaji dengan tepat kerana terbatas oleh covid-19 yang melanda dunia ini. Diharapkan kajian mengenai

adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik pada masa akan datang perlu diperluaskan lagi mengenai adat-adat, pantang larang, simbolik dari pelbagai sudut. Hal ini secara tidak langsung, membolehkan penyelidik seterusnya bukan sahaja dapat mengkaji adat, pantang larang, kepercayaan dan simbolik, malah kajian terhadap alat muzik dan sebagainya juga dapat diterangkan.



RUJUKAN

Jurnal / artikel

Ramli Mohd Anuar, (2006) Instrumen 'Urf Dan Adat Melayu Sebagai Asas Penetapan Hukum Semasa Di Malaysia, Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 17, 2006

Azizah Hamzah. 2010. Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya dalam Jurnal Pengajian Media Malaysia, 6 (1).

Laman Web

Mohamad Nazrul B Suhaimi, Mohamad Sani Bin Sauid, Muhamad Izwan Bin Tarmin @ Rasimin, (2018) Pengertian Adat dan Istiadat

<http://pelitakaryaagung.blogspot.com/2014/03/pengertian-adat-dan-istiadat.html>

Dr Izham Nayan, (2020) Sejarah Silat Dan Manfaatnya

<http://izhamnayan.blogspot.com/2017/02/sejarah-silat-dan-manfaatnya.html>

Buku

Aziz Deraman. (2005). Masyarakat Dan Kebudayaan Malaysia Edisi

Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Aziz Deraman & Wan Ramli Wan Mohamad. (1994) Adat dan Pantang

Larang Orang Melayu. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd

Hennink, M., Hutter, I., Bailey, A. (2011). Qualitative research methods.

Los Angeles: Sage.

Sabitha Marican. 2005. Kaedah penyelidikan sains sosial. Petaling Jaya,

Selangor: Pearson Prentice Hall.